

LAPORAN KURSUS KEPIMPINAN JAWATANKUASA PERWAKILAN PELAJAR (JPP)

PROGRAM MATRIKULASI KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA 2021

TARIKH : 30 SEPTEMBER 2021 - 2 OKTOBER 2021

TEMPAT : RUMAH KEDIAMAN MASING-MASING

ATURCARA:

30 SEPTEMBER 2021

5.00 petang-6.00 petang	"Ice Breaking" & Pembahagian Kumpulan
6.00 petang-8.30 malam	Rehat
8.30 malam-10.30 malam	Siapkan Tugas

1 OKTOBER 2021

8.30 pagi-10.30 pagi	Tanggungjawab & Peranan JPP
10.30 pagi-11.00 pagi	Rehat
11.00 pagi-1.00 petang	Mengenal Potensi Diri vs Audit Diri
1.00 petang-2.30 petang	Rehat
2.30 petang-5.00 petang	Komunikasi Seorang Pemimpin
5.00 petang-8.30 malam	Rehat
8.30 malam-10.30 malam	Leader Talk

2 OKTOBER 2021

8.30 pagi-10.30 pagi	Kepentingan Organisasi vs Kecemerlangan Diri
10.30 pagi-11.00 pagi	Rehat
11.00 pagi-1.00 petang	Pengurusan & Pengendalian Majlis
1.00 petang-2.30 petang	Rehat
2.30 petang-3.30 petang	Matrix Future Leader's Idea
3.30 petang-4.00 petang	Rumusan & Penilaian kursus (urus setia)
4.00 petang-5.00 petang	Majlis perasmian oleh YBrS. Pengarah BMKPM/Pengarah KM

30 SEPTEMBER 2021

- Semua peserta iaitu Jawatankuasa Perwakilan Pelajar Matrikulasi Semalaysia hadir bersedia di aplikasi Zoom mengikut pautan yang diberikan.
- Semua urusetia dan jawatankuasa program bersiap sedia dan memberikan arahan kepada para peserta.
- Majlis dimulakan dengan bacaan doa oleh Yang Dipertua Kolej Matrikulasi Kelantan dan diteruskan dengan acara "*Ice Breaking*" pada pukul 5.00 petang.
- Tepat pukul 6.00 petang sesi "*Ice Breaking*" tamat dan diberikan tugas pertama kepada para peserta.
- Acara seterusnya pada pukul 8.30 malam, peserta diberikan masa untuk menyiapkan tugas iaitu video bertajuk "*leadership*".

1 OKTOBER 2021

- Semua peserta bersiap sedia di aplikasi Zoom tepat pukul 8.30 pagi di rumah masing-masing.
- Acara pertama bermula dengan penerangan tentang tanggungjawab dan peranan JPP yang disampaikan oleh En. Badrul Hisham, PP HEP KMP sehingga pukul 10.30 pagi.
- Acara bersambung pada pukul 11.00 pagi hingga 1.00 petang dengan acara mengenal potensi diri vs audit diri.
- Pada jam 2.30 petang, kami menjalani aktiviti komunikasi seorang pemimpin di mana beberapa orang peserta akan bercakap dan memberi pendapat mereka bagi meningkatkan lagi komunikasi antara pemimpin.
- Seterusnya, aktiviti pada 1 Oktober diakhiri dengan aktiviti *Leader Talk* daripada En. Hasyidan Bin Mohd Hussain selaku Ketua Penolong Pengarah Sektor Pembangunan Pelajar Bahagian Matrikulasi. Disini kami menimba ilmu dan diberi kesedaran terhadap tanggungjawab bagi seorang pemimpin.

2 OKTOBER 2021

- Acara pada hari seterusnya dimulakan dengan motivasi perbezaan Kepentingan Organisasi vs Kecemerlangan Diri daripada En Sukor Bin Beram selaku Bekas Ketua Penolong Pengarah Bahagian Matrikulasi KPM.
- Kemudian, Pengurusan dan Pengendalian Majlis yang merangkap memberi tunjuk ajar kepada pemimpin cara untuk mengendalikan sesebuah majlis di kolej. Aktiviti ini disempurnakan oleh Pn. Siti Norlatifah Binti Darus, Penolong Pengarah HEP Kolej Matrikulasi Pulau Pinang.
- Di akhir kursus kepimpinan ini, rumusan dan penilaian kursus dilakukan oleh Pn Nor'aini Binti Mohamad, Ketua Penolong Pengarah dalam merumuskan keseluruhan aktiviti ini kepada peserta iaitu pemimpin kolej-kolej supaya dapat memanfaatkan ilmu dan maklumat yang diberikan sepanjang kursus ini berlangsung. Dan seterusnya peserta memberikan penilaian terhadap kursus ini di *google form* yang disediakan.
- Acara penutup majlis dengan acara mengumumkan pemenang sepanjang aktiviti berjalan dan Majlis perasmian oleh YBrs. Pengarah BMKPM/Pengarah KM.

LAPORAN BERGAMBAR SEPANJANG KURSUS KEPIMPINAN JAWATAN KUASA PERWAKILAN PELAJAR 2021/2022



UCAPAN DARIPADA ENCIK MOHSEIN KEPADA JAWATANKUASA MATRIKULASI



SESI BERKOMUNIKASI ANTARA PEMIMPIN DAN MEMBERI PENDAPAT HAL-HAL YANG BERKAITAN



SESI BERGAMBAR DIA AKHIR SLOT KURSUS BERSAMA BARISAN JAWATANKUASA MATRIKULASI 2021/2022



SESI MELAKSANAKAN KERJA BERKUMPULAN BAGI MEMUPUKKAN SEMANGAT
KERJASAMA ANTARA PEMIMPIN DALAM MELAKSANAKAN SESUATU TUGASAN DAN
AMANAT

Disediakan oleh,

(NUR WAHIDA AINI BINTI AHMAD)

Setiausaha JPP Sesi 2021/2022

Kolej Matrikulasi Johor